

SOALAN NO.356

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK HAJAH NORAH
BINTI ABD. RAHMAN [TANJONG MANIS]**

SOALAN :

YB Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta PERDANA MENTERI menyatakan status permohonan peruntukan Surau Kg Bidadari, daerah Bintangor, Sarawak yang berjumlah RM4.3 juta yang diluluskan pada tahun 2014.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan mendapati tiada peruntukan yang diluluskan bagi projek Surau Kg Bidadari, daerah Bintangor, Sarawak seperti yang dinyatakan. Hasil siasatan juga mendapati tapak projek yang dicadangkan adalah tanah milik individu. Tapak cadangan projek mestilah tanah milik Kerajaan yang digazetkan untuk kegunaan awam bagi tujuan pembinaan surau dan bebas daripada sebarang bebanan (*free from any encumbrances*).

Sekian, terima kasih.